

ICLALIS 2013

Kontrak sosial dalam pengajaran dan pembelajaran lisan: tinjauan terhadap perspektif pelajar

Siti Ajar Hj Ikhsan^{a*}, Safiah Ahmad^b

^{a,b}*Pusat Pengajian Literasi, Bahasa dan Terjemahan, Penang, 11800, Malaysia*

Abstract

Generasi pascamerdeka rata-rata belum begitu memahami kontrak sosial yang merupakan permuafakatan yang dibuat secara bersama antara orang Melayu dengan bukan Melayu sebelum kemerdekaan. Permuafakatan ini adalah bagi menjamin keharmonian dan perpaduan kaum yang melibatkan lima elemen utama yang kemudiannya dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Perkara tersebut ialah Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, hak keistimewaan Melayu dan bumiputera, kedudukan institusi raja dan kewarganegaraan mengikut prinsip *jus soli*. Walaupun kontrak sosial ini telah diajarkan di sekolah melalui subjek Sejarah, Pengajian Am dan kursus Hubungan Etnik di universiti, namun kebanyakan pelajar belajar hanya untuk mendapatkan gred yang baik, selepas selesai kursus semuanya 'lupa'. Oleh itu tidak hairanlah mutakhir ini mereka begitu kritis dan semakin berani memperkatakannya secara terbuka melalui media massa. Persoalan yang timbul ialah adakah kerana kejahilan mereka terhadap fakta sejarah, kejahilan mengenai kandungan Perlembagaan atau pengaruh globalisasi yang mengglobalkan faham liberalisme dan faham kesaksamaan? Bertitik tolak daripada persoalan ini kertas kerja ini akan meninjau persepsi pelajar terhadap kelima-lima elemen kontrak sosial dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) lisan yang dipilih sebagai salah satu topik berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan. Dapatan mendapati bahawa kebanyakan mereka bersetuju dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/rasmi yang menjadi alat perpaduan antara kaum. Oleh itu, strategi pengajaran berpusatkan pelajar mengikut teori konstruktivisme digunakan untuk mendorong pelajar menggunakan minda secara aktif, kritis, kreatif dan inovatif. Dalam hal ini guru berperanan sebagai perancang aktiviti, dan pemudah cara. Kaedah soal selidik dan temu bual digunakan dalam kajian ini dan pelajar di sebuah universiti awam dijadikan sampel kajian.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under [CC BY-NC-ND license](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/).

Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

Keywords: Kontrak sosial; pengajaran dan pembelajaran lisan; pengajaran berpusatkan pelajar; perancang aktiviti dan pemudah cara.

* Corresponding author: Siti Ajar Hj Ikhsan
E-mail address: sajar@usm.my

1. Pendahuluan

Sebagai sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama, budaya, bahasa dan latar belakang ekonomi dan mengamalkan sistem demokrasi, keamanan di Malaysia amat penting sebagai satu jaminan untuk mencapai kemakmuran. Oleh itu perpaduan merupakan tiang kemakmuran dan kedamaian negara yang perlu dititikberatkan dan dipelihara agar ia terus kekal sepanjang zaman. Sekiranya kepelbagaian ini tidak dapat ditangani dengan baik dan cekap, pertelingkahan, perselisihan faham dan kekacauan akan berlaku. Kita tidak mahu lagi melihat peristiwa 13 Mei berulang kembali. Justeru, kontrak sosial merupakan wahana yang penting bagi mencapai tuntutan demokrasi dan sekali gus mewujudkan perpaduan kaum.

Pada umumnya, kontrak sosial mempunyai kepentingannya sendiri. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, kontrak sosial penting untuk mewujudkan masyarakat yang kental dan kukuh berasaskan kesedaran terhadap kepentingan nilai saling memahami, menghormati dan bertolak ansur. Oleh itu, kontrak sosial merupakan semangat dalaman yang kepentingannya tidak semata-mata dapat diujahkan melalui perundangan dan perbincangan ilmiah, tetapi juga dari segi sejarah. Sehubungan itu, rakyat Malaysia khususnya generasi kini perlulah mengambil berat akan sejarah negara kita.

Sejarah merupakan satu disiplin ilmu yang memainkan peranan penting kerana melalui pengetahuan sejarah membolehkan kita mengetahui latar belakang sesuatu masalah, tindakan dan isu dengan tepat dan benar. Melalui sejarah kita akan dapat mengetahui dan memahami latar belakang negara ini dan sentiasa mengambil iktibar daripada peristiwa yang pernah terjadi di negara kita. (Wan Liz Ozman Wan Omar, 2000). Sayangnya, generasi muda kini termasuklah pelajar di institusi pengajian tinggi yang menjadi subjek kajian rata-rata tidak memandang sejarah sebagai satu disiplin ilmu apatah lagi untuk memahami isu kontrak sosial. Oleh itu, tidak hairanlah mereka begitu kritis dan semakin berani memperkatakan isu kontrak sosial secara terbuka melalui media massa apatah lagi apabila isu ini dicetuskan oleh ahli politik yang mempunyai agenda tersendiri beberapa tahun yang lepas. Persoalan yang timbul ialah, adakah kerana kejahilan mereka terhadap fakta sejarah, kejahilan mengenai kandungan Perlembagaan atau pengaruh globalisasi yang mengglobalkan faham liberalisme dan faham kesaksamaan?. Justeru, strategi pengajaran berpusatkan pelajar adalah penting supaya mereka berfikiran kritis, kreatif dan ikhlas menjunjung hasrat murni negara demi mewujudkan negara yang harmoni.

1.1. Kontrak Sosial

Kontrak sosial ialah persetujuan yang dicapai sebelum negara mencapai kemerdekaan dalam kalangan para pemimpin Melayu, Cina dan India dan parti yang diwakili oleh mereka iaitu, UMNO, MCA dan MIC. Kontrak sosial juga harus dianggap sebagai persetujuan kaum, bukan hanya pemimpin atau kumpulan elit tertentu sahaja. Permuafakatan itu mendapat sokongan rakyat yang dibuktikan dengan kemenangan Perikatan dalam pilihan raya 1955. Oleh hal yang demikian itu, rakyat perlu benar-benar memahami fakta sejarah bahawa kontrak sosial yang dicapai itu sebenarnya melalui proses muafakat dan musyawarah. Melalui persefahaman dan permuafakatan yang dicapai melalui kontrak sosial, barulah kita berjaya membentuk negara Malaysia. Jelas di sini, kontrak sosial merupakan asas penting perpaduan dan permuafakatan dalam kalangan penduduk berbilang kaum di negara kita.

Kontrak sosial diadakan adalah untuk:

- menyelesaikan perbezaan kepentingan diri atau kelompok masing - masing.
- memastikan kepentingan majoriti dan minoriti diambil kira tanpa menjejaskan hak dan kepentingan masing-masing.
- memastikan persetujuan yang dicapai kekal dan diwarisi turun-temurun kerana persetujuan dianggap memenuhi kepentingan yang berpanjangan
- memastikan setiap pihak yang bersetuju mematuhi dan menyampaikannya kepada generasi seterusnya agar ia tidak bercanggah pada masa depan

Isi Kandungan Kontrak Sosial di Malaysia:

- Orang Melayu menerima dan mengiktiraf orang Cina dan India sebagai warganegara. (Berasaskan prinsip *Jus Soli*).
- Orang Cina dan India mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa persekutuan.

متن کامل مقاله

دریافت فوری ←

ISIArticles

مرجع مقالات تخصصی ایران

- ✓ امکان دانلود نسخه تمام متن مقالات انگلیسی
- ✓ امکان دانلود نسخه ترجمه شده مقالات
- ✓ پذیرش سفارش ترجمه تخصصی
- ✓ امکان جستجو در آرشیو جامعی از صدها موضوع و هزاران مقاله
- ✓ امکان دانلود رایگان ۲ صفحه اول هر مقاله
- ✓ امکان پرداخت اینترنتی با کلیه کارت های عضو شتاب
- ✓ دانلود فوری مقاله پس از پرداخت آنلاین
- ✓ پشتیبانی کامل خرید با بهره مندی از سیستم هوشمند رهگیری سفارشات